

PELAN OPERASI LATIHAN JABATAN PERTANIAN 2025



BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	LATAR BELAKANG JABATAN PERTANIAN	1
2.0	VISI JABATAN PERTANIAN	3
3.0	MISI JABATAN PERTANIAN	3
4.0	OBJEKTIF JABATAN PERTANIAN	3
5.0	FUNGSI JABATAN PERTANIAN	4
6.0	OBJEKTIF LATIHAN	5
7.0	STRATEGI LATIHAN	5
8.0	PELAKSANAAN LATIHAN	7
9.0	PERANCANGAN PROGRAM LATIHAN TAHUN 2025	13
10.0	LAMPIRAN 1	14
11.0	LAMPIRAN 2	19

1. LATAR BELAKANG JABATAN PERTANIAN

Jabatan Pertanian telah ditubuhkan dalam tahun 1905 dengan tugas utama pada masa itu adalah untuk melaksanakan dasar-dasar pertanian yang telah digariskan oleh kerajaan. Di bawah panduan Jabatan Pertanian beberapa enakmen telah diluluskan untuk mempercepatkan pembangunan dan pemeliharaan hak-hak tanah. Ini termasuk yang bersangkutan dengan:

- a. pemansuhan buruh berkontrak,
- b. mengkhususkan tanah untuk kaum bumiputera,
- c. penyekatan kemasukan musuh-musuh yang merbahaya dan
- d. pemberian tanah kurang daripada 10 ekar kepada petani-petani sejati bagi tujuan bertani.

Di dalam Perjanjian Persekutuan Malaysia (1974), selaras dengan penubuhan kerajaan-kerajaan negeri di tiap-tiap negeri, peruntukan telah juga dibuat bagi membolehkan penubuhan Jabatan Pertanian Negeri di tiap-tiap negeri. Jabatan Pertanian di setiap negeri telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program pengembangan bagi memajukan sektor pekebun kecil.

Di peringkat awalnya, usaha Jabatan Pertanian tertumpu hanya kepada penyelidikan tanaman, menyediakan pakar-pakar teknikal kepada pengusaha-pengusaha ladang dan perkhidmatan pengembangan kepada pekebun-pekebun kecil. Walaupun Jabatan Pertanian bertanggungjawab memajukan semua tanaman ekonomi yang berpotensi, jabatan juga turut menjalankan aktiviti penting iaitu membangunkan perusahaan getah. Bagaimanapun, menyedari adanya peningkatan permintaan dari industri getah, kerajaan merasakan perlu diletakkan aktiviti penyelidikan getah ini dibawah satu bumbung yang berasingan. Dengan itu Institut Penyelidikan Getah Malaya telah ditubuhkan dalam tahun 1926.

Selepas negara mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, Jabatan Pertanian telah berkembang dengan pesat dan diperkuuhkan. Ia terlibat sepenuhnya dalam bidang penyelidikan, menyediakan khidmat pengembangan dan pemasaran serta pembangunan pertubuhan-pertubuhan peladang. Bagaimanapun, dengan tertubuhnya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan – FAMA (1965), Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian – MARDI (1970), Lembaga Pertubuhan Peladang – LPP dan Jabatan Pertanian telah disusun semula dan menumpukan peranannya dalam memberikan khidmat pengembangan terutamanya kepada petani-petani.

Peranan yang dimainkan oleh Jabatan Pertanian masa kini adalah seperti berikut:

- Mempercepatkan transformasi pertanian kepada sektor masa kini sektor yang moden, dinamik dan komersial.
- Membangunkan industri tanaman makanan dan bunga-bungaan.
- Memberi khidmat perundingan dan sokongan teknikal.
- Melindungi industri pertanian negara.
- Menjamin keselamatan makanan dan alam sekitar.
- Bergiat dalam forum-forum, hubungan dua hala dan kerjasama teknikal antarabangsa.
- Mempertingkatkan pembangunan sumber manusia.

Bahagian-bahagian di dalam Jabatan Pertanian yang turut bertanggungjawab untuk melaksanakan peranan-peranan di atas adalah seperti berikut:

1. Bahagian Pengembangan Pertanian
2. Bahagian Pembangunan Industri Tanaman
3. Bahagian Perancangan Strategik
4. Bahagian Pengurusan Sumber Tanah
5. Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman
6. Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
7. Bahagian Kawalan Racun Perosak & Baja
8. Bahagian Pembangunan Modal Insan
9. Bahagian Kejuruteraan Pertanian
10. Bahagian Pertanian Bandar
11. Bahagian Perkhidmatan Makmal
12. Bahagian Khidmat Pengurusan
13. Unit Integriti
14. Unit Komunikasi Korporat
15. Unit Undang - Undang
16. Dua belas (12) Jabatan Pertanian Negeri (*termasuk Jabatan Pertanian Wilayah Persekutuan Labuan*)

2. VISI JABATAN PERTANIAN

Ke arah mewujudkan industri pertanian yang berdaya saing, pengeluaran produk berkualiti, selamat dan mesra alam serta berorientasi eksport.

3. MISI JABATAN PERTANIAN

Memberi perkhidmatan berkualiti dan berkesan kepada pengusaha-pengusaha pertanian melalui pengamalan teknologi terkini dan khidmat regulatori pertanian untuk meningkatkan daya pengeluaran serta memastikan keselamatan sektor pertanian negara.

4. OBJEKTIF JABATAN PERTANIAN

- Memberi khidmat pengembangan dan pembangunan pertanian melalui pemindahan teknologi berteraskan Amalan Pertanian Baik di sepanjang rantaian nilai bagi meningkatkan pengeluaran dan pendapatan serta memastikan pengeluaran bahan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan.
- Membimbing dan mewujudkan pengusaha pertanian yang progresif bagi meningkatkan produktiviti ladang dan pengeluaran pertanian negara.
- Mewujudkan kumpulan tenaga yang terlatih dan mahir untuk keperluan industri pertanian.
- Melindungi tanaman industri dan makanan daripada ancaman perosak dan penyakit melalui program perlindungan tanaman dan perkhidmatan biosekuriti tumbuhan.
- Menentukan keluaran hasil-hasil tanaman makanan yang berkualiti dan selamat serta memelihara alam sekitar.
- Mengawal bahan-bahan tanaman dan bahan janaplasma negara daripada dibawa keluar negara dan terancam pupus.

5. FUNGSI JABATAN PERTANIAN

- Menilai, mengubahsuai serta merumus pakej teknologi daripada agensi/badan penyelidikan mengikut keadaan setempat dan seterusnya menyampaikannya kepada pengusaha-pengusaha pertanian.
- Memberi khidmat perundingan dan sokongan teknikal secara pakej kepada usahawan, swasta dan agensi pembangunan pertanian.
- Membangunkan Sumber Maklumat Tanaman Makanan dan Tanah untuk kegunaan perancangan dan pelaksanaan pembangunan sektor pertanian.
- Menjalankan latihan di Institut / Pusat Latihan Pertanian bagi memenuhi keperluan tenaga mahir dalam sektor pertanian.
- Mengawalselia mutu bahan / benih tanaman negara.
- Melaksanakan penguatkuasaan Akta Racun Mahluk Perosak 1974 untuk memastikan racun yang diimport, dikeluarkan dan dijual dalam negara adalah yang berkualiti dan penggunaannya tidak akan mendatangkan mudarat kepada pengguna, ternakan, tanaman makanan dan alam sekitar.
- Melaksanakan penguatkuasaan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 untuk mencegah kemasukkan perosak-perosak asing yang berbahaya dalam negara dan memudahkan pengeksportan hasil-hasil tanaman negara untuk memenuhi peraturan kuarantin negara pengimpor.
- Melaksanakan penguatkuasaan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 1988 dan peraturan CITES (Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Bagi Spesis-spesis Haiwan dan Tumbuhan Liar Yang Terancam Pupus) untuk memastikan bahawa bahan-bahan tanaman dan janaplasma tidak terancam pupus.
- Melaksanakan penguatkuasaan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 (Akta 634) untuk melindungi hak intelek bagi varieti-variety tempatan seperti baka-baka yang baik terutama kelapa sawit, getah, koko, kelapa dan bunga-bungaan.
- Mengadakan hubungan dan kerjasama dengan organisasi-organisasi di sektor awam dan swasta dalam/luar negara yang terlibat dalam pembangunan, penguatkuasaan dan perdagangan antarabangsa.

6. OBJEKTIF LATIHAN

- Melahirkan sumber manusia yang berpengetahuan, berkemahiran dan bersikap positif melalui program latihan yang berkualiti.
- Meningkatkan kompetensi umum dan khusus pegawai-pegawai jabatan mengikut bidang tugas melalui program latihan yang dirancang.
- Meningkatkan pengetahuan serta kemahiran ke arah kemajuan dan pembangunan kerjaya pegawai.
- Memantapkan dan mengukuhkan keupayaan pegawai-pegawai jabatan secara berterusan selaras dengan keperluan dan cabaran-cabaran semasa.

7. STRATEGI LATIHAN

- Jabatan Pertanian menyediakan Perancangan Latihan Tahunan di Pusat Latihan bagi kursus teknikal dan generik (50:50 ±10) bagi anggota Jabatan Pertanian dengan mematuhi prosedur latihan yang telah ditetapkan dalam dokumen MS ISO 9001:2015 Perkhidmatan Pengembangan Pertanian.
- Memastikan bahawa setiap pegawai mengikuti latihan sekurang-kurangnya 5 hari setahun.
- Memastikan latihan kepada Pegawai Bidang Khas (PBK) dijalankan dan mencapai sekurang-kurangnya 90% daripada sasaran yang ditetapkan seperti yang terkandung di dalam Manual Kualiti MS ISO 9001:2015 Perkhidmatan Pengembangan Pertanian.
- Menyediakan peruntukan tahunan untuk latihan sekurang-kurangnya 1% daripada peruntukan emolumen.
- Melaksanakan latihan berpandukan matrik latihan iaitu RMK-12, Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT), Sustainable Development Goals (SDGs) - Pembangunan Pertanian Lestari dan Pelan Laluan Latihan (*Training Road Map (TRM)*) mengikut kategori jawatan dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai seperti di **Lampiran 1**.
- Menaiktarafkan kemudahan dan prasarana latihan di pusat-pusat latihan.

- Meningkatkan kemahiran tenaga pengajar yang terlibat dalam latihan di semua Pusat Latihan Jabatan Pertanian iaitu:

ZON	PUSAT LATIHAN	NEGERI
Tengah	Institut Latihan Pengembangan Pertanian (ILPP) Serdang, Selangor	<ul style="list-style-type: none"> • Selangor • Perak • Wilayah Persekutuan
Timur	Pusat Latihan & Pembangunan Pengembangan Wilayah Timur (PLPPWT), Besut, Terengganu	<ul style="list-style-type: none"> • Terengganu • Kelantan • Pahang
Utara	Pusat Latihan & Pembangunan Pengembangan Wilayah Utara (PLPPWU), Telok Chengai, Kedah	<ul style="list-style-type: none"> • Kedah • Pulau Pinang • Perlis
Selatan	Pusat Latihan & Pembangunan Pengembangan Wilayah Selatan (PLPPWS), Ayer Hitam, Johor	<ul style="list-style-type: none"> • Johor • Melaka • Negeri Sembilan

8. PELAKSANAAN LATIHAN

a. Analisis Keperluan Latihan (AKL) (Training Need Analisys (TNA))



Bengkel Analisis Keperluan Latihan Anggota Peringkat
JABATAN PERTANIAN NEGERI / BAHAGIAN
(16 Mei 2024 – 31 Julai 2024)



Bengkel Analisis Keperluan Latihan Anggota Jabatan Pertanian 2025
• 6-8 Ogos 2024
• Institut Latihan Pengembangan Pertanian (ILPP) Serdang.



Pengesahan/Kelulusan Perancangan Program Latihan Anggota 2025
menerusi **Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan)**
Jabatan Pertanian Bilangan 2/2024 pada 12 Disember 2024



Bengkel Pemurnian Modul Latihan dan Penyelarasan Takwim Latihan
Tahun 2025.
• 18-19 Disember 2024
• Bilik Mesyuarat Melati, Bahagian Pembangunan Modal Insan.



Takwim dan Pelaksanaan Program Latihan Anggota 2025

b. **Pelaksanaan Latihan**

i. **Kategori Kursus**

Latihan anjuran Jabatan Pertanian adalah berdasarkan kepada MS ISO 9001:2015 Perkhidmatan Pengembangan Pertanian. Ianya melibatkan tiga kategori:



- a. Kursus Anggota
 - ✓ *Kursus umum atau teknikal yang terbuka kepada semua kakitangan Jabatan Pertanian*
- b. Kursus Pegawai Bidang Khas (PBK)
 - ✓ *Kursus teknikal yang dirangka khas kepada PBK untuk melatih Agen Pengembangan Tanaman (APT) atau Agen Pengembangan Industri Asas Tani (APIAT) oleh Jurulatih Bidang Khas (JBK).*
- c. Kursus Agen Pengembangan Tanaman (APT) / Agen Pengembangan Industri Asas Tani (APIAT)
 - ✓ *Kursus teknikal yang dihadiri oleh APT / APIAT untuk peningkatan kompetensi bagi tujuan khidmat pengembangan kepada golongan sasar*

ii. Penyedia Latihan

Latihan disediakan oleh:

- a. Jabatan Pertanian Negeri
- b. Bahagian-bahagian di Jabatan Pertanian
- c. Institut Latihan Pengembangan Pertanian (ILPP) Serdang, Selangor
- d. Pusat Latihan & Pembangunan Pengembangan (PLPP) Wilayah Utara, Teluk Chengai, Kedah
- e. Pusat Latihan & Pembangunan Pengembangan (PLPP) Wilayah Timur, Besut, Terengganu
- f. Pusat Latihan & Pembangunan Pengembangan (PLPP) Wilayah Selatan, Ayer Hitam, Johor

iii. Metodologi Latihan

Kaedah latihan yang digunakan dalam pelaksanaan latihan pegawai adalah seperti berikut:

- a. Ceramah
- b. Amali ladang/bengkel/makmal
- c. Lawatan sambil belajar
- d. Latihan simulasi
- e. Latihan *attachment*
- f. Pementoran


Tenaga Pengajar yang menyampaikan latihan terdiri daripada Jurulatih Bidang Khas (JBK) iaitu Pegawai Jabatan atau Pegawai dari luar Kementerian / Jabatan / Agensi serta Syarikat Swasta / Badan Profesional / Individu yang telah dikenalpasti oleh Bahagian atau Jabatan Pertanian Negeri berkenaan yang mempunyai kepakaran berkaitan.

Selain latihan anjuran Jabatan Pertanian, Pegawai dan kakitangan juga didedahkan kepada latihan yang dianjurkan oleh pihak luar jabatan seperti KPKM, INTAN, MARDI, UPM dan lain-lain.

Latihan jangka pendek/panjang di luar negara juga diatur untuk pegawai-pegawai berdasarkan kepada keperluan semasa.


c. **Penilaian Latihan**

Penilaian Latihan yang dibuat berdasarkan kepada **Model Penilaian Kirkpatrick**:



i. **Penilaian Tahap 1 – Reaksi**

- ✓ Penilaian latihan Tahap 1 dilaksanakan ke atas **setiap latihan yang dijalankan**.



- ✓ Penilaian dibuat melalui *Digital Training Information & Management System* (DTIMS) yang diisi dan dijana secara dalam talian.

ii. Penilaian Tahap 2 – Pembelajaran

- ✓ Penilaian latihan Tahap 2 dilaksanakan ke atas **setiap latihan yang dijalankan** untuk menilai tahap ilmu yang diperoleh peserta.
- ✓ Penilaian dibuat melalui **pre & post test** dan beberapa kaedah lain yang bersesuaian mengikut kepada jenis kursus.
- ✓ **Laporan Penilaian Tahap 1 & 2** disediakan bagi setiap latihan oleh ILPP/PLPP dan dihantar kepada Ibu Pejabat BPMI untuk disemak.

iii. Penilaian Tahap 3 – Perlakuan

- ✓ Penilaian latihan Tahap 3 dilaksanakan untuk menilai semula tahap keberkesanan kursus tersebut kepada setiap peserta selepas kursus dijalankan. Penilaian ini juga disebut sebagai **Kajian Keberkesanan Kursus**.
- ✓ Penilaian/kajian ini dibuat ke atas kursus-kursus tertentu yang sangat penting, kritikal, memerlukan kos yang tinggi serta yang dijalankan berulang-ulang.
- ✓ Kajian akan dijalankan **selepas 6 bulan latihan tersebut dijalankan**. Kajian ini dibuat dengan lebih mendalam di mana peserta kursus dan penyelia perlu mengisi borang kajian keberkesanan latihan.
- ✓ Setiap Pusat Latihan akan menjalankan **dua (2) Kajian Keberkesanan Latihan setahun** iaitu latihan untuk PBK dan anggota.



d. **Pemantauan Latihan**

Pemantauan pelaksanaan program latihan dibuat melalui:

Nama Mesyuarat / Program	Kekerapan
Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Program Latihan Jabatan Pertanian	Dua (2) kali setahun
Mesyuarat Penyelarasan dan Pemantauan Latihan (MPPL)	Dua (2) kali setahun
Mesyuarat Bahagian PMI	Tiga (3) kali setahun
Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)	Sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun
Mesyuarat Pengembangan Pertanian	Empat (4) kali setahun
Naziran Latihan ke atas Pusat Latihan Pegawai (ILPP/LPP) oleh Ibu Pejabat Bahagian Pembangunan Modal Insan	Sekurang-kurangnya sekali setahun
Pemantauan Latihan APT/APIAT yang dianjurkan Jabatan Pertanian Negeri oleh ILPP/PLPP	Dua (2) Pemantauan / negeri

9. PERANCANGAN PROGRAM LATIHAN TAHUN 2025

- a) Bagi tahun 2025, **sebanyak 104 kursus jangka pendek untuk semua anggota** akan dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Modal Insan di Pusat Latihan Jabatan Pertanian seperti pecahan berikut:

Kursus Teknikal	: 51 kursus
Kursus Generik	: 53 kursus

- b) Daripada 104 kursus tersebut, pelaksanaan kursus mengikut kategori kursus adalah:

Kategori Anggota (termasuk APT dan APIAT)	: 98 kursus
Kategori Pegawai Bidang Khas (PBK)	: 6 kursus

- c) Kaedah pelaksanaan bagi kursus adalah seperti berikut:

Fizikal	: 73 kursus
Atas talian	: 31 kursus

Senarai latihan yang dirancang untuk Tahun 2025 adalah seperti di dalam **Lampiran 2**.

LAMPIRAN 1

MATRIK LATIHAN JABATAN PERTANIAN

Bil.	Kategori	Fokus	Fokus Latihan		Strategi Latihan		Jenis Latihan	Bidang Latihan		
1	Rancangan Malaysia (RMK-12)	Keselamatan Makanan (Food Safety)	i	Menekankan elemen food safety dalam setiap projek yang dibangunkan.	a	Latihan Pemantapan Biosekuriti Tanaman Makanan	Teknikal	Teknikal Pertanian (Tp)		
			ii	Meningkatkan pensijilan myGAP dan myOrganik.	b	Pemantapan Perlesenan Racun Makhluk Perosak				
			iii	Menggalakkan amalan IPM.	c	Pembangunan Pertanian Komuniti				
2		Kualiti Biji Benih (Seed Quality)	i	Menggalakkan penggunaan benih tulen dan sah	d	Pengeluaran Bahan Tanaman Berkualiti				
			ii	Menerapkan elemen kualiti dalam penghasilan benih	e	Pengukuhan Kualiti Bahan Tanaman				
			iii	Meningkatkan pengeluaran benih tempatan						
3		Keseimbangan Dangan (Balance of Trade (BoT))	i	Mensasarkan tanaman yang masih rendah SSL	f	Pembangunan Buahan Tumpuan				
			ii		g	Pembangunan Tanaman Sayuran				

Bil.	Kategori	Fokus	Fokus Latihan		Strategi Latihan		Jenis Latihan	Bidang Latihan
4		Menggalakkan tanaman yang berpotensi untuk dieksport		h	Pembangunan Industri Kelapa/Cendawan/ Kopi			
					i	Pembangunan Tanaman Keutamaan		
					j	Pembangunan Makanan Ternakan		
					k	Pembangunan Industri Kelulut		
		Sustainable Development Goals (SDG)	i	l	Mengutamakan pembangunan pertanian yang lestari dan mampan dengan mengambil kira kesan kepada alam sekitar	Pengurusan Tanah (Soil Profiling) Luar Jelapang		
					m	Pengurusan Tanah Lestari Di Kawasan Sensitif		
		Industry Revolution (IR) 4.0	i	n	Menerapkan elemen teknologi IR4.0 dalam rantaian pengeluaran	Pembangunan Data Geospatial	Kejuruteraan Pertanian (Kp)	
					ii	Menggalakkan penggunaan mekanisasi dan automasi		
					iii	Meningkatkan adaptasi dan penerimangunaan teknologi		
					p	Penyelenggaraan Fasiliti Struktur Dan Infrastruktur		

Bil.	Kategori	Fokus	Fokus Latihan		Strategi Latihan		Jenis Latihan	Bidang Latihan
6		Pengembangan Pertanian	i	Meningkatkan Kecekapan Penyampaian Pengembangan Pertanian	q	Pemerkasaan Metodologi Pengembangan		Pengembangan (P)
								IAT (IAT)
7	Pelan Anti Rasuah (PLANT)	Good Governance	i	Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang	s	<p>Meningkatkan kualiti tadbir urus dan tatacara pematuhan sesuatu SOP dengan berintegriti bagi menginstitusikan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang (kursus-kursus berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pemalsuan maklumat dalam aktiviti permohonan APPROVED PERMIT (AP), penguatkuasaan, pendaftaran, pemeriksaan dan penyediaan laporan teknikal ii. Ketidakpatuhan TOP dalam aktiviti kelulusan AP, pendaftaran racun makhluk perosak, pendaftaran ladang dan fasiliti, pemeriksaan konsainan eksport dan penetapan syarat import serta aktiviti penguatkuasaan 	Generik/ Umum	Pengurusan (Pg)

Bil.	Kategori	Fokus	Fokus Latihan		Strategi Latihan		Jenis Latihan	Bidang Latihan
	8	Perolehan & Urus Tadbir Kewangan			iii.	Kelemahan dalam pengurusan bahan bukti (eksibit)		
8			i	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam	t	Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam. (kursus-kursus berkaitan kebocoran makumat anggaran harga tender/sebut harga Jabatan kepada pihak yang berkepentingan-(6x)		Kewangan (W)
9		Integriti Pelaksanaan Tatacara Urus Tadbir	i	Memperkuatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam	u	Merekayasa perkhidmatan awam ke arah tadbir urus sistem teknologi maklumat yang baik.		Teknologi Maklumat (Tm)
					v	Menambahbaik keberkesanan pendidikan dan pembangunan profesional berterusan dalam kalangan pegawai awam melalui latihan modal insan berdasarkan kepada <i>Human Governance</i> . (kursus-kursus berkaitan:		Pengurusan (Pg)
					i.	Rasuah		
					ii.	penyalahgunaan kuasa dalam tadbir urus Jabatan Pertanian		

Bil.	Kategori	Fokus	Fokus Latihan		Strategi Latihan		Jenis Latihan	Bidang Latihan
					(pingat/APC/kenaikan pangkat/LNPT/kemudahan dan kelengkapan pejabat dan yang berkaitan iii. Pemantapan etika bagi menangani kes salah laku			
10		Pembangunan Modal Insan	i	Membudaya nilai bagi menghasilkan penjawat awam yang cintakan negara, berdaya tahan tinggi, beretika dan berintegriti	w	Meningkatkan kesedaran pegawai mengenai kepentingan dalam aspek pengurusan prestasi dan pembangunan diri. (melibatkan kursus motivasi)		Modal Insan (Mi)

LAMPIRAN 2

PERANCANGAN PROGRAM LATIHAN TAHUN 2025

BIL.	TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT	KAEDAH PELAKSANAAN	BAJET (RM)	KUMPULAN SASARAN	BILANGAN	KATEGORI LATIHAN	STRUKTUR LATIHAN
1	Kursus Pembinaan Instrumen Soal Selidik	21-23 Jan	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Pertengahan
2	Kursus Pemantapan Audit Dalam MS ISO 9001:2015 Perkhidmatan Pengembangan Pertanian Tahun 2025	12-14 Feb	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
3	Kursus PBK: Kursus Interpretasi & Penilaian Data Kimia Tanah & Daun Dalam Pertanian	17-19 Feb	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
4	Kursus Pengaplikasian AI di Dalam Pertanian	17-19 Feb	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
5	Kursus Asas Pertanian Kos Ultra Rendah (Ultra-Low-Cost)	24-26 Feb	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Asas
6	Kursus PBK: Kursus Teknologi Tanaman Bawang Merah Sesi 1	25-27 Feb	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
7	Kursus Analisa Keberkesanan & Impak Latihan	28-30 Apr	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Pertengahan
8	Kursus Penyediaan dan Pengurusan Bajet Pembangunan	28-30 Apr	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Pertengahan

BIL.	TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT	KAEDAH PELAKSANAAN	BAJET (RM)	KUMPULAN SASARAN	BILANGAN	KATEGORI LATIHAN	STRUKTUR LATIHAN
9	Kursus Big Data Analytics for Agriculture Extension	13-15 Mei	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
10	Kursus Pemasangan Sistem Solar	13-15 Mei	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
11	Kursus Rekabentuk Pengairan & Sumber Air	20-22 Mei	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
12	Kursus Pengurusan Perancangan Perniagaan Bagi Sub Sektor Tanaman	27-29 Mei	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
13	Kursus Tatacara Pengurusan Aset Tak Ailih (Aset Bangunan)	27-29 Mei	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Pertengahan
14	Kursus Teknik Pembiakan Buah-buahan Secara Cantuman	10-12 Jun	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
15	Kursus Penggunaan Sistem My INFRA	10-12 Jun	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Pertengahan
16	Kursus Internet of Things (IOT)	16-18 Jun	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
17	Kursus Pemuliharaan Tanah & Air Untuk Amalan Pertanian Baik	24-26 Jun	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan

BIL.	TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT	KAEDAH PELAKSANAAN	BAJET (RM)	KUMPULAN SASARAN	BILANGAN	KATEGORI LATIHAN	STRUKTUR LATIHAN
18	Kursus Penyediaan Spesifikasi Asas Struktur & Infrastruktur Pertanian	1-3 Julai	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
19	Kursus Pembimbing myGAP Sesi 2	8-9 Julai	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
20	Kursus Asas Elektrik Dalam Pertanian	15-17 Julai	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Asas
21	Kursus Perolehan Kerajaan Melalui Sistem e-Perolehan(Bekalan dan Perkhidmatan) Sesi 1	15-17 Julai	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Pertengahan
22	Kursus PBK: Kursus Pengurusan Reproduktif Tanaman Durian	22-24 Julai	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
23	Kursus bahan Pengawet dan Aditif Dalam Makanan	22-24 Julai	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
24	Kursus Asas Pembangunan & Pengurusan Nurseri Tanaman Hiasan	29-31 Julai	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Asas
25	Kursus Advance Reka Bentuk Grafik menggunakan Canva	5-7 Ogos	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Lanjutan
26	Kursus MPSAS dan Penggunaan Modul Perakaunan Akruan Aset 1GFMAS	12-14 Ogos	ILPP Serdang	Fizikal	RM 6,335.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Pertengahan

BIL.	TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT	KAEDAH PELAKSANAAN	BAJET (RM)	KUMPULAN SASARAN	BILANGAN	KATEGORI LATIHAN	STRUKTUR LATIHAN
27	Kursus Perolehan Kerajaan Melalui Sistem e-Perolehan(Bekalan dan Perkhidmatan) Sesi 2	26-27 Ogos	ILPP Serdang	Fizikal	RM 5,615.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Pertengahan
JUMLAH KECIL ILPP SERDANG				RM 170,325.00			675		
28	Kursus Mandatori AOD: Kursus Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM)	18-19 Feb	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 3,980.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
29	Kursus Pegawai Audit Dalam MS ISO/IEC 17065	25-27 Feb	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
30	Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan melalui Sistem MySPA	22-24 Apr	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Pertengahan
31	Kursus PBK: Kursus Teknologi Tanaman Bawang Merah Sesi 2	28-30 Apr	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
32	Kursus Mandatori AOD: Kursus Pengurusan Tanah Siri 1	5-8 Mei	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
33	Kursus Pengurusan Tanah Jerlus	20-22 Mei	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
34	Kursus Teknologi Penanaman Kobis Tanah Rendah	27-29 Mei	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan

BIL.	TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT	KAEDAH PELAKSANAAN	BAJET (RM)	KUMPULAN SASARAN	BILANGAN	KATEGORI LATIHAN	STRUKTUR LATIHAN
35	Kursus PBK: Kursus Teknik Pemetaan Menggunakan Dron	10-12 Jun	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
36	Kursus Pemeriksaan Aset Alih dan Penggunaan Modul Pemeriksaan Sistem mySPA	17-19 Jun	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Pertengahan
37	Kursus Penyelenggaraan Jentera Kecil	24-26 Jun	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
38	Kursus Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan dan penggunaan Sistem MySPS	1-3 Julai	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Pertengahan
39	Kemahiran Komunikasi Pengembangan Berkesan Sesi 1	8-10 Julai	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
40	Kursus Pengurusan dan Etika Pemanduan Siri 2	15-17 Julai	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
41	Kursus Power Point (Advance)	21-24 Julai	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 7,760.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Lanjutan
42	Kursus Siaran Langsung Pengembangan Pertanian di Platform Media Sosial	29-31 Julai	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
43	Kursus Pengurusan Rekod Jabatan	5-7 Ogos	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Asas

BIL.	TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT	KAEDAH PELAKSANAAN	BAJET (RM)	KUMPULAN SASARAN	BILANGAN	KATEGORI LATIHAN	STRUKTUR LATIHAN
44	Kursus Microsoft Word (Advance)	12-14 Ogos	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Lanjutan
45	Kursus Pengurusan Kenderaan Jabatan Sesi 1	19-21 Ogos	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Asas
46	Kursus Pengacaraan & Moderator	26-28 Ogos	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Pertengahan
47	Kursus Kesedaran Keselamatan Perlindungan (CGSO) Sesi 1	2-4 Sep	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
48	Kursus Kaliberasi Racun dan Alat Semburuan Racun Perosak	9-11 Sep	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
49	Kursus Penyiasatan Pengeluaran Padi	23-25 Sep	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
50	Kursus Microsoft Excel (Advance)	30 Sep - 2 Okt	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Lanjutan
51	Kursus Pengembangan Racun Makhluk Perosak (RMP)	7-9 Okt	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
52	Kursus Pengurusan Emosi & Stress Sesi 2	28-30 Okt	PLPP Wilayah Utara	Fizikal	RM 5,870.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Pertengahan

BIL.	TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT	KAEDAH PELAKSANAAN	BAJET (RM)	KUMPULAN SASARAN	BILANGAN	KATEGORI LATIHAN	STRUKTUR LATIHAN
	JUMLAH KECIL PLPP WILAYAH UTARA				RM 146,750.00		625		
53	Kursus Penyediaan dan Pengurusan Bajet Mengurus	17 Feb	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 720.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
54	Kursus Budaya Cemerlang	18-19 Feb	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
55	Kursus Penyediaan Spesifikasi Perolehan Kerajaan (Bekalan dan Perkhidmatan)	24-25 Feb	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
56	Kursus Perancangan, Pengurusan & Penilaian Projek	5 Mac	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 720.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
57	Kursus Personaliti Diri	10-11 Mac	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
58	Kursus Gaya Hidup Sihat & Produktiviti Hebat	24-25 Mac	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Asas
59	Kursus Prosedur Pengeksportan Komoditi Pertanian	14 Apr	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 720.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
60	Kursus Penyeliaan Berkesan	21-22 Apr	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan

BIL.	TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT	KAEDAH PELAKSANAAN	BAJET (RM)	KUMPULAN SASARAN	BILANGAN	KATEGORI LATIHAN	STRUKTUR LATIHAN
61	Kursus Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (Pengurusan & Professional) Sesi 1	5-6 Mei	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
62	Kursus Pengurusan Emosi & Stress Sesi 1	14-15 Mei	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
63	Kursus Komunikasi Berkesan dan Keterampilan Diri Sesi 1	19-20 Mei	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
64	Kursus Pengurusan Gangguan Seksual di Tempat Kerja	26-27 Mei	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
65	Kursus Pengurusan Tatatertib Dalam Perkhidmatan Awam	16-17 Jun	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
66	Kursus Teknik Neuro Linguistik Program (NLP)	23-24 Jun	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
67	Kursus Penulisan Artikel Teknikal	30 Jun - 1 Julai	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
68	Kursus Pengurusan Kuarters Jabatan Pertanian Malaysia	7-9 Julai	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 2,160.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Asas
69	Kursus Negosiasi dan Komunikasi Berkesan Di Tempat Kerja	14-15 Julai	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan

BIL.	TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT	KAEDAH PELAKSANAAN	BAJET (RM)	KUMPULAN SASARAN	BILANGAN	KATEGORI LATIHAN	STRUKTUR LATIHAN
70	Kursus Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (Pelaksana & Sokongan) Sesi 1	21-23 Julai	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 2,160.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
71	Kursus English At Work	28-29 Julai	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
72	Kursus Keselamatan dan Pengurusan Makmal	4-6 Ogos	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 2,160.00	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
73	Kursus Pengurusan Majlis dan Etiket Sosial	11-13 Ogos	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 2,160.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
74	Kursus Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (Pengurusan & Professional) Sesi 2	18-19 Ogos	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
75	Kursus Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (Pelaksana & Sokongan) Sesi 2	2-3 Sep	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
76	Kursus Pembudayaan Keselamatan Perlindungan	8-9 Sep	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
77	Kursus Pengukuhan Organisasi	22-23 Sep	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
78	Kursus Komunikasi Berkesan dan Keterampilan Diri Sesi 2	29-30 Sep	PLPP Wilayah Timur	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan

BIL.	TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT	KAEDAH PELAKSANAAN	BAJET (RM)	KUMPULAN SASARAN	BILANGAN	KATEGORI LATIHAN	STRUKTUR LATIHAN
	JUMLAH KECIL PLPP WILAYAH TIMUR				RM 38,160.00		995		
79	Kursus Mandatori AOD: Kursus Pengenalan Kepada Biosekuriti Tumbuhan	4-5 Feb	PLPP Wilayah Selatan	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Teknikal	Asas
80	Kursus Expressive Art Therapy	4-6 Mac	PLPP Wilayah Selatan	Atas Talian	RM 2,160.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
81	Kursus Pemantapan Personal dan Organisasi	11-12 Mac	PLPP Wilayah Selatan	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
82	Kursus Pengurusan Masa Penjawat Awam	19-20 Mac	PLPP Wilayah Selatan	Atas Talian	RM 1,440.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Asas
83	Kursus Gamifikasi Kreativiti di Tempat Kerja	15-17 Apr	PLPP Wilayah Selatan	Atas Talian	RM 2,160.00	Pegawai & Kakitangan DOA	40	Generik	Pertengahan
84	Kursus Pembimbing myOrganic	6-8 Mei	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 5,990.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
85	Kursus Fotografi Menggunakan Smartphone	14-15 Mei	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 4,085.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Pertengahan
86	Kursus Fertigasi Sayuran	20-22 Mei	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 5,990.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
87	Kursus Pengurusan dan Etika Pemanduan Siri 1	27-29 Mei	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 5,990.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Asas

BIL.	TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT	KAEDAH PELAKSANAAN	BAJET (RM)	KUMPULAN SASARAN	BILANGAN	KATEGORI LATIHAN	STRUKTUR LATIHAN
88	Kursus Pembimbing myGAP Sesi 1	10-12 Jun	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 5,990.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
89	Kursus Pengurusan Tanaman Ubi Kayu	17-19 Jun	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 5,990.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
90	Kursus Teknologi Tuai, Pascatuai & Pemprosesan Hasil Pertanian Buah-Buahan	24-26 Jun	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 5,990.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
91	Kursus Mandatori APT: Kursus Pembimbing myGAP Tanaman Makanan	1-3 Julai	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 5,990.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
92	Kursus CPS Tanaman Sayuran & Buah-buahan	8-10 Julai	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 5,990.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
93	Kursus Pengurusan Tanaman Hidroponik (NFT/DFT & Vertical Farming)	15-17 Julai	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 5,990.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
94	Kursus Pengendalian Dron Di Dalam Kerja Pertanian	22-24 Julai	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 5,990.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
95	Kursus Pengurusan Tanah Persekutuan	5-7 Ogos	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 5,990.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Pertengahan
96	Kursus PBK: Kursus Diagnostik Kekurangan Nutrien Tanaman	12-14 Ogos	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 5,990.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
97	Kursus Spesifikasi & Pelan Bangunan Mengikut Standard Pensijilan	19-21 Ogos	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 5,990.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan

BIL.	TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT	KAEDAH PELAKSANAAN	BAJET (RM)	KUMPULAN SASARAN	BILANGAN	KATEGORI LATIHAN	STRUKTUR LATIHAN
98	Kursus Pengurusan Pertanian di Tanah Gambut	26-28 Ogos	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 5,990.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
99	Kursus PBK: Kursus Asas Penyiasatan dan Penilaian Tanah	9-11 Sep	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 5,990.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Asas
100	Kursus Mandatori AOD: Kursus Pengurusan Tanah Siri 2	22-25 Sep	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 7,895.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
101	Kemahiran Komunikasi Pengembangan Berkesan Sesi 2	30 Sep - 2 Okt	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 5,990.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
102	Kursus Pengurusan Kenderaan Jabatan Sesi 2	7-9 Okt	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 5,990.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Asas
103	Kursus Kesedaran Keselamatan Perlindungan (CGSO) Sesi 2	14-16 Okt	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 5,990.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Teknikal	Pertengahan
104	Kursus Tatacara Pengurusan Aset Hidup (Tumbuhan)	28-30 Okt	PLPP Wilayah Selatan	Fizikal	RM 5,990.60	Pegawai & Kakitangan DOA	25	Generik	Pertengahan
JUMLAH KECIL PLPP WILAYAH SELATAN					RM 134,442.60		725		
JUMLAH KESELURUHAN					RM 489,677.60		3,020		